

Intervensi Tadbir Urus Islam Negeri Sembilan: Legasi Penjajahan British dalam Sistem Pentadbiran Moden

Intervention in Islamic Governance of Negeri Sembilan: The Legacy of British Colonialism in the Modern Administrative System

ANWAR MUTTAQIN^{*1}, IBNOR AZLI IBRAHIM² NURUL IMAN MOHAMAD ANUAR KAMAL¹ & NUR ASYIQIN ZOHKARNAIN¹

¹Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia

²Fakulti Syariah dan Undang-Undang, BE1310, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam

*Corresponding Author; email: anwar86@ukm.edu.my

Received: 10 August 2025/Revised: 14 October 2025/Accepted: 15 October 2025/

Published: 1 December 2025

ABSTRAK

Negeri Sembilan telah mengamalkan agama Islam sebelum kedatangan British dan tadbir urus negara merangkumi struktur dan proses pentadbiran yang mengatur pelaksanaan kuasa oleh institusi kerajaan. Namun demikian, perluasan kuasa British ke Negeri Sembilan membawa campur tangan besar terhadap hal ehwal agama Islam pada abad ke-19M dan 20M. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti sejarah latar belakang hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan sebelum kedatangan British. Seterusnya menganalisis intervensi British dalam hal ehwal agama Islam dengan tumpuan di Negeri Sembilan. Seterusnya, meneliti implikasi daripada intervensi British terhadap hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan. Metodologi penyelidikan yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan yang merujuk kepada bahan arkib, buku-buku, jurnal, tesis dan akhbar tempatan yang berkaitan dengan tajuk tersebut. Kajian ini mendapati agama Islam telah bertapak di Negeri Sembilan sebelum kedatangan British. Wilayah-wilayah di Negeri Sembilan telah mempunyai sistem yang tersendiri berteraskan agama Islam. Seterusnya, telah berlaku secara jelas bahawa pegawai atau penasihat British campur tangan dalam semua aspek pemerintahan termasuklah hal ehwal yang menyentuh agama Islam termasuk aspek perundangan dan urusan pentadbiran. Implikasi daripada intervensi British telah mewujudkan sistem yang lebih teratur dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan. Dapat dilihat, intervensi British pada abad ke-19M dan 20M merupakan proses dalam mensistamkan urusan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan. Intervensi British telah membawa kepada sistem perundangan yang lebih teratur kemudian telah membawa kepada penubuhan badan-badan pentadbiran yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran hal ehwal agama Islam bagi Negeri Sembilan.

Kata kunci: Tadbir urus; kolonialisme; British; Negeri Sembilan; hal ehwal agama Islam

ABSTRACT

Negeri Sembilan had embraced Islam before British colonisation, and the governance of the state encompassed administrative structures and processes that regulated the exercise of power by governmental institutions. However, the expansion of British influence into Negeri Sembilan during the 19th and 20th centuries led to significant intervention in Islamic affairs. The study explores the history of Islamic affairs in Negeri Sembilan before the British arrived, investigates how the British influenced religious issues, specifically in Negeri Sembilan, and evaluates the impact on how Islamic affairs were managed in the state. This research adopts a qualitative methodology through library-based research, utilising archival materials, books, journals, theses, and relevant local newspapers. The study found that Islam had already been firmly established in Negeri Sembilan before British arrival, with various territories within the state operating distinct Islamic-based administrative systems. British officers or advisors intervened in virtually all aspects of governance, including those directly affecting Islamic affairs, such as legal and administrative domains. The implication of British intervention was establishing a more structured system for administering Islamic affairs in Negeri

Sembilan. The British involvement during the 19th and 20th centuries can thus be seen as a process of systematising the governance of Islamic affairs in the state. This intervention ultimately led to the formation of formal legal frameworks and administrative bodies responsible for managing Islamic matters in Negeri Sembilan.

Keywords: governance; colonialism; British; Negeri Sembilan; Islamic affairs

PENGENALAN

Agama Islam telah bertapak kukuh di Negeri Sembilan sebelum kedatangan British dengan sistem tadbir urus tempatan yang berasaskan hukum syarak dan adat perpatih yang seiring dengan ajaran Islam. Pentadbiran hal ehwal agama Islam ketika itu berada di bawah kuasa mutlak Yang Dipertuan Besar bersama Dato' Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin. Pelantikan kadi, pengawasan surau, pemantauan ajaran sesat dan pelaksanaan undang-undang syarak dijalankan secara tempatan dan tradisional. Keadaan ini membuktikan bahawa sebelum campur tangan kuasa kolonial, sistem pentadbiran agama Islam di Negeri Sembilan sudah mempunyai struktur tersendiri yang mantap dan berfungsi mengikut acuan tempatan.

Namun begitu, kemasukan British pada penghujung abad ke-19 telah memperlihatkan perubahan ketara dalam struktur tadbir urus Islam di Negeri Sembilan. Walaupun Perjanjian Pangkor 1874 telah menetapkan bahawa British tidak akan mencampuri hal ehwal agama dan adat namun sebaliknya mereka secara berperingkat mula terlibat secara langsung dalam pelantikan kadi, penggubalan undang-undang Islam, pentadbiran zakat, perkahwinan dan sistem kehakiman syariah. Campur tangan ini telah mencetuskan permasalahan besar dalam usaha mengekalkan keaslian tadbir urus Islam tradisional serta membawa kepada persoalan mengenai legitimasi dan kesahihan struktur baru yang diasaskan oleh British atas dasar kepentingan mereka.

Sehubungan itu, objektif utama kajian ini meneliti sejarah latar belakang hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan sebelum kedatangan British. Seterusnya menganalisis bentuk dan ruang intervensi British dalam pentadbiran agama Islam dan menilai implikasi jangka panjang terhadap struktur tadbir urus agama Islam di Negeri Sembilan khususnya dalam pembentukan institusi agama Islam moden.

Kepentingan kajian ini terletak pada usaha menelusuri dan menilai semula warisan kolonial yang terus membentuk wajah tadbir urus agama Islam moden di Negeri Sembilan. Kajian ini turut menyumbang kepada wacana semasa mengenai

pembinaan tadbir urus Islam yang mampan dalam kerangka tadbir urus Islam kontemporari khususnya daripada segi kebertanggungjawaban institusi, kedaulatan hukum Syariah dan pemulihan semula identiti keislaman yang terjejas akibat kolonialisme. Secara kritisnya, kajian ini membawa novelti dengan menyorot kembali peralihan kuasa dalam konteks sejarah tempatan yang sering diabaikan dan bagaimana legasi tersebut membentuk model tadbir urus Islam kontemporari hari ini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian sejarah dan analisis dokumen. Sumber data terdiri daripada sumber primer yang diperoleh daripada dokumen arkib (perjanjian, laporan tahunan, minit mesyuarat Majlis Negeri dan undang-undang kolonial). Sumber Sekunder turut dirujuk seperti buku sejarah, artikel jurnal, tesis, kajian terdahulu dan laporan akhbar kolonial.

Kaedah pengumpulan data melibatkan analisis kandungan terhadap teks undang-undang, perjanjian, ucapan rasmi, laporan British serta kajian kepustakaan di perpustakaan universiti, Arkib Negara, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Data seterusnya dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti tema seperti bentuk intervensi, rasional intervensi dan implikasi jangka panjang. Pendekatan sejarah turut digunakan untuk menjejak kronologi perubahan tadbir urus Islam daripada zaman pra British hingga pasca British. Kesahan data dipastikan melalui triangulasi sumber membandingkan sumber arkib, rekod rasmi British dan naratif tempatan melalui kajian ahli sejarah dan pengkaji undang-undang Islam.

KERANGKA TEORI TADBIR URUS ISLAM

Dalam menganalisis intervensi British terhadap tadbir urus Islam di Negeri Sembilan, terdapat kerangka teori yang digunakan daripada gabungan antara teori poskolonial dengan kerangka tadbir urus Islam. Dari sudut teori poskolonial, analisis

menekankan bagaimana kuasa kolonial membentuk semula struktur pentadbiran Islam melalui hegemoni, wacana kuasa dan legasi undang-undang. Edward Said (1978) melalui konsep *Orientalism* menjelaskan bagaimana kolonial menundukkan budaya tempatan melalui pembinaan imej yang stereotaip, manakala Homi Bhabha (1994) menekankan aspek *hibriditi* yang menghasilkan sistem bercampur antara syariah dan undang-undang Barat. Dalam konteks Negeri Sembilan, hal ini dapat dilihat melalui pengenalan undang-undang seperti *Muhammadian Laws 1904* yang pada zahirnya menggunakan nama Islam, tetapi hakikatnya dilaksanakan menurut acuan *Common Law British*.

Sementara itu, kerangka tadbir urus Islam memberi asas normatif untuk menilai sama ada struktur yang diwarisi daripada kolonial menepati prinsip Islam yang sebenar. Kerangka ini berpaksikan nilai syura (musyawarah), 'adalah (keadilan), amanah serta maqasid syariah yang bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pandangan al-Mawardi dalam *Al-Ahkam al-Sultaniyyah* boleh dijadikan rujukan bagi memahami bagaimana tadbir urus Islam yang sah perlu berfungsi dalam menjamin kestabilan politik, integriti kepimpinan serta kelestarian masyarakat (Nursyafiqah et al. 2025).

Melalui penggabungan dua dimensi ini, analisis dapat dilakukan secara lebih seimbang. Dari satu sisi, teori poskolonial menyingkap bagaimana campur tangan British telah membentuk semula institusi agama Islam dengan cara yang membatasi peranan syariah kepada ruang peribadi dan ibadat. Dari sisi lain, kerangka tadbir urus Islam menilai sama ada legasi tersebut benar-benar menepati maqasid syariah atau sekadar mengekalkan struktur kolonial yang tersusun tetapi kurang berjiwa Islam. Sintesis kedua-dua teori ini membantu menjelaskan bahawa tadbir urus Islam pasca-kolonial bukan sekadar proses birokratik tetapi juga suatu perjuangan untuk mengembalikan kedaulatan hukum Islam dalam kerangka keadilan dan syura.

PERBINCANGAN

FASA PRA BRITISH (SEBELUM ABAD KE-19)

Agama Islam telah bertapak di Negeri Sembilan sebelum kedatangan British. Menurut Abdul Samad (1968), Negeri Sembilan adalah gabungan beberapa buah pentadbiran negeri kecil. Islam mula sampai ke Negeri Sembilan dalam pertengahan abad ke-

15. Ini berdasarkan bukti sejarah yang berupa Batu Bersurat yang dijumpai di Sungai Udang Linggi, Port Dickson yang mencatatkan bahawa seorang yang bernama Sheikh Ahmad telah meninggal dunia dan daripada batu nisan perkuburannya menjelaskan bahawa beliau telah meninggal dunia pada tahun 1467 ketika Sultan Mansur Syah memerintah Melaka iaitu semasa Kerajaan Melayu Melaka sedang meningkat kemasyhurannya. Menurut Othman Ishak (1981) dalam zaman pemerintahan Sultan Melaka (1400-1511) terdapat segolongan kecil orang yang mematuhi pemerintahan Melaka mula masuk ke wilayah-wilayah Negeri Sembilan. Hal ini disokong daripada Hasnan Kasan (2008) menyatakan berkemungkinan Islam mula masuk ke Negeri Sembilan pada tempoh pemerintahan Sultan Melaka kerana pada ketika itu Melaka telah menjadi pusat pengembang Islam yang pesat.

Di awal pemerintahan wilayah Negeri Sembilan, semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan dirujuk kepada raja. Walau bagaimanapun kuasa pentadbiran hal ehwal agama diserahkan kepada Dato'-Dato' Undang Yang Empat di mana mereka berkuasa untuk melantik kadi-kadi di wilayah Luak (jajahan) masing-masing. Azlizan & Nurul Fatimah (2019), mendapati dalam kajiannya iaitu sebelum kedatangan British, masyarakat adat di Negeri Sembilan mengamalkan undang-undang Islam bersama hukum adat yang berunsurkan syarak sejak abad ke 18. Gullick (1958) menyatakan, di Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebelum campur tangan Inggeris, pentadbiran undang-undang di negeri-negeri tersebut termasuk dalam hal ehwal orang Islam terletak pada raja-raja, pembesar-pembesar negeri dan ketua kampung yang diberi tauliah atau surat kuasa oleh sultan. Manakala undang-undang yang berkuatkuasa di negeri-negeri tersebut sebelum kedatangan Inggeris adalah adat yang berasaskan hukum syarak terutama dalam bab perkahwinan dan perceraian.

Selari dengan garapan Othman (1981) dan Hasnan Kasan (2008), mengikut sistem pentadbiran hal-ehwal agama Islam yang awal di Negeri Sembilan, Kadi Kariah bertanggungjawab untuk mengawasi kesempurnaan perjalanan surau-surau, mengawasi kesalahan yang menyalahi agama, menegah perbuatan mengajar ajaran sesat dan menjadi orang perantaraan di antara orang Islam dengan kerajaan untuk memajukan ekonomi. Manakala Kadi Hakim pula bertanggungjawab untuk membicarakan hal-hal jenayah, kesalahan hukum syarak seperti zina, membuat kesalahan dengan sengaja serta boleh mengancam keamanan.

Negeri-negeri Melayu sama ada Negeri-negeri Melayu Bersekutu ataupun Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada hakikatnya tidak pernah diduduki oleh Inggeris (*settled*) atau diserahkan kepada pemerintahan Inggeris (*ceded*). Hakikatnya negeri Melayu telah dianggap sebagai '*protected state*' (negeri yang dilindungi) (Braddel 1931). Sejak awal lagi, bagi kesemua negeri Melayu telah wujud sistem pemerintahan dan perundangan tersendiri berasaskan adat istiadat Melayu serta undang-undang Islam. Perkara ini telah diakui oleh mahkamah-mahkamah Inggeris yang telah mengiktiraf bahawa raja-raja Melayu adalah raja yang berdaulat, bebas, bahkan tidak tunduk kepada mana-mana kuasa asing (Ahmad Ibrahim 1992). Namun begitu, situasi ini mula berubah sedikit demi sedikit bermula pada era abad ke 19 sehingga abad ke 20.

FASA INTERVENSI KOLONIAL BRITISH (ABAD KE 19 DAN PERTENGAHAN ABAD KE 20)

Campur tangan Inggeris dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan) secara rasmi bermula di Perak melalui Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Inggeris pada masa itu telah diwakili oleh Sir Andrew Clark.

Antara isi penting perjanjian tersebut memperuntukkan penerimaan seorang residen Inggeris yang akan menjadi penasihat kerajaan. Tidak diketahui dengan jelas apakah tugas-tugas residen. Kerajaan British juga tidak memberikan kawalan khusus daripada aspek undang-undang dan eksekutif (Mohd Isa 2002). Apabila pihak British mengambil langkah untuk menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan (di dalamnya terdapat negeri kecil seperti Sungai Ujong dan Jelebu) dicantumkan dengan kawasan yang berada kekuasaan Yamtuan Besar Muhammad dan nama Negeri Sembilan dikekalkan. Martin Lister telah menjadi residen bagi Negeri Sembilan.

Abdul Samad (1968) dalam bukunya membahaskan dengan lebih terperinci berkaitan campurtangan British dalam pembentukan Negeri Sembilan. Pada tahun 1874, Dato' Kelana Sungai Ujong, Dato' Rembau dan Dato' Jelebu mengisytiharkan untuk keluar dari kesatuan Negeri Sembilan atas sebab konflik yang berlaku antara mereka. Hal ini berlaku setelah Yamtuan Antah kalah dalam peperangan dengan Dato' Kelana Syed Aman yang bergabung dengan British. Setelah itu,

telah berlaku beberapa usaha untuk mencantumkan semula wilayah-wilayah Negeri Sembilan ini namun gagal. Martin Lister sebagai residen Negeri Sembilan telah memanggil Yamtuan Muhammad bersama Dato' undang untuk berbincang. Pada Ogos 1895, telah ditandatangani satu perjanjian di antara Yamtuan Muhammad dan Dato' Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin bagi menerima seorang residen British sebagai penasihat kepada mereka. Justeru secara rasmi Negeri Sembilan duduk dibawah naungan kerajaan British. Pemerintah daripada Yamtuan Muhammad, Dato'-dato' Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin sanggup menerima dan mengikut nasihat residen British. Seterusnya, pada tahun 1897 Birch E.W. telah menggantikan Martin Lister sebagai residen.

Pada tempoh ini termaktub satu perjanjian antara Yamtuan Muhammad dengan Dato' Undang Yang Empat bersama bagi mengukuhkan lagi kedudukan residen British di Negeri Sembilan. Pada tahun 1898 Yang Di-Pertuan Tuanku Muhammad telah ditabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Dalam istiadat pertabalan itu, Tuanku Muhammad telah bertitah:

Maka dengan beberapa sukacitana hati saya kepada Dato' Undang Yang Empat telah kembali menabalkan saya, maka inilah sedikit ucapan dan huraian kepada Dato' Johol dan Dato' Rembau daripada Negeri Sembilan kita ini dengan nasihat Tuan Residen British telah tetaplah Undang Yang Empat mendirikan kerajaan Negeri Sembilan serta kembali menjunjung daulat menabalkan saya sebagaimana istiadat tabal.

Kemudian wakil Dato' Undang Yang Empat pula memberi ucapan:

Daulat Tuanku Yang Maha Mulia terjunjunglah di-atas jemala patik, maka telah beberapa banyak menerima syukur akan budi pekerti British Resident E. W. Birch menjalankan keamanan di antara Duli Yang Maha Mulia dengan patik-patik sekalian.

Setelah itu British Resident Tuan E. W. Birch pula berucap:

Maka ucapan Tuanku itu sangatlah kena dan berbetulan bagaimana yang telah sudah patik membuat dengan tangan sendiri, mudah-mudahan dengan berkat tinggi daulat Duli Yang Maha Mulia kekal patek dalam pekerjaan British Resident Negeri Sembilan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia dan Maha Besar Queen Victoria, maka dengan sebolehnya sehabis bicara patik hendak mencuba juga mengamankan di dalam Negeri Sembilan ini kerana sangat suka patik Duli Tuanku serta Dato'-Dato'.

Selari dengan kenyataan Maxwell & Gibson (1924) dan Braddel (1931) di Negeri Sembilan pada tahun 1889 seorang Residen telah diminta oleh Dato' Kelana Sungai Ujong untuk digabungkan Raja-raja Melayu setiap negeri (negeri-negeri kecil sebelum terbentuknya Negeri Sembilan) dan telah bersetuju menggabungkan negeri mereka menjadi konfederasi. Mereka menyatakan kehendaknya mereka iaitu "agar mereka dibolehkan mendapat bantuan seorang residen Inggeris dalam pentadbiran kerajaan konfederasi yang akan ditubuhkan. Pada asasnya hanya Sungai Ujong dan Jelebu tidak termasuk dalam konfederasi 1889 dan W.F.B Paul dilantik sebagai penasihat British di Sungai Ujong (termasuk Jelebu).

Pada awalnya British mula berhubung dengan negeri-negeri kecil sebelum terbentuknya Negeri Sembilan apabila mereka menduduki Melaka dari tahun 1705 hingga 1818. Pada tahun 1887, ketua-ketua Rembau menandatangani perjanjian lain dan menyerahkan semua urusan hasil dan bidang kuasa sivil dan jenayah tertentu kepada pegawai yang dilantik oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat. Pada tahun 1889, raja-raja Rembau dan Tampin menyertai *Sri Menanti Treaty Confederacy of 1887* untuk memeterai konfederasi Negeri Sembilan. Oleh hal demikian, terdapat seorang Residen British untuk Sri Menanti, Rembau dan Tampin dan seorang lagi untuk Sungai Ujong dan Jelebu (Norhalim Ibrahim 1995). Seterusnya pada tahun 1895, Yamtuan Besar Sri Menanti bersama-sama dengan pemerintah Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tampin meletakkan wilayah mereka di bawah perlindungan British dan membentuk sebuah konfederasi enam negeri yang akan membawa nama bersejarah Negeri Sembilan dan meminta seorang Residen British. Dalam perjanjian tersebut Sri Menanti dan Johol menandatangani dan memasukkan daerah-daerah kecil Ulu Muar, Terachi, Jempol, Gunong Pasir, Inas dan Gemencheh. Pada tahun 1898, empat pembesar Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau telah memilih anak Yamtuan Besar Antah Sri Menanti menjadi Yamtuan Besar bagi seluruh Negeri Sembilan iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Jobol, Rembau, Ulu Muar, Terachi, Jempul, Gunong Pasir dan Inas (Winstedt 1934).

Perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai antara British dengan Negeri Sembilan dilihat telah mula memisahkan pentadbiran biasa dengan pentadbiran hal ehwal agama Islam termasuk undang-undang Islam. Menjelang akhir abad ke 19, bagi pihak residen perbezaan antara 'nasihat' dengan 'perintah'

telah menjadi agak kabur. Kuasa sebenar sultan telah mula dipersoalkan berbanding dengan kuasa residen.

Dalam beberapa tahun selepas perjanjian-perjanjian dengan Inggeris dibuat, Majlis Negeri yang diketuai oleh residen telah ditubuhkan dan badan tersebutlah yang membuat peraturan dan undang-undang yang perlu diikuti oleh Majlis Raja-raja. Ini termasuklah peraturan dan undang-undang yang berhubung dengan agama Islam seperti pelantikan kadi, peraturan tentang zakat dan fitrah serta pentadbiran masjid (Braddel 1931; Mahmmud Zuhdi 1995; Zaini 2004). Penubuhan Majlis Negeri ini telah dimulakan di Perak selepas Inggeris campur tangan dalam pentadbirannya secara terhormat. Langkah tersebut kemudiannya telah diikuti oleh Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang lain termasuk Negeri Sembilan. Pada mulanya, majlis ini boleh dikatakan berfungsi sebagai badan penasihat kepada sultan. Segala perubahan kuasa pentadbiran dan perundangan yang hendak dilakukan oleh sultan melalui majlis mesyuarat ini dan namun ia telah bertindak mengikut nasihat residen Inggeris. Jelas daripada itu, peraturan dan nasihat daripada residen British telah dipatuhi walaupun dalam perkara-perkara melibatkan kepentingan pentadbiran undang-undang Islam (Zaini 2004).

Azlizan & Nurul Fatimah (2019) mengulas dengan lebih lanjut, menjelang akhir abad ke-19, British mula meletakkan hal ehwal agama Islam dan sistem perundangannya di bawah pengaruh mereka. Pentadbiran undang-undang Islam oleh British berdasarkan sistem *Common Law*. *Common Law* dalam istilah bahasa Melayu disebut sebagai undang-undang Am. *Common Law* merujuk kepada suatu sistem hukuman dan pengadilan berdasarkan segala keputusan-keputusan mahkamah. Hakim dan peguam terlatih dari England telah dibawa masuk ke Negeri Sembilan untuk membuat keputusan mengenai hal ehwal masyarakat adat. Dengan itu, hal-hal berkaitan dengan masalah perebutan harta pusaka, pemilikan tanah, pergaduhan, jenayah penipuan dan merampas isteri dan anak dara orang ditadbir mengikut sistem *Common Law*.

Bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu seperti Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan pula, Undang-undang Pentadbiran Islam bagi menguruskan hal ehwal awam orang Islam telah diperkenalkan bermula di Perak pada 28 Februari 1880 melalui *Order in Council* 1880 yang melarang kadi daripada menerima zakat. Pada 5 Januari 1881, satu lagi perintah atau '*order*' dikeluarkan yang

melarang pengibaran bendera di masjid-masjid (Zaini 2004).

Undang-undang yang mengawal selia hal ehwal perkahwinan dan perceraian orang Islam telah diperkenalkan kali pertama pada 1885 (Rabi'ah et. al 2021). Undang-undang tersebut dilaksanakan di negeri Perak dan dinamakan dengan *Perak Registration of Muhammedan Marriage and Divorce Enactment 1885*. Dalam tahun yang sama telah diluluskan undang-undang yang diberi tajuk *Muhammedan to Pray in Mosques on Friday* yang mewajibkan orang Islam untuk menunaikan solat Jumaat di masjid. Pada tahun 1894 pula, dikuatkuasakan undang-undang yang memperuntukkan hukuman ke atas orang Islam yang berzina melalui satu perintah Majlis atau *Order in Council*. Ia dikenali sebagai *Adultery by Muhammedan* (Hooker 1984). Selain itu, Pesuruhjaya Kehakiman bagi NNMB iaitu Sir T. H. Keshaw dilantik pada tahun 1896 untuk menyusun semula sistem kehakiman di Negeri Sembilan. Jawatan Penasihat Undang-undang atau *Legal Adviser* untuk menasihati Residen British mengenai masyarakat adat dan hal ehwal agama Islam (Zaini 2004).

Pada awal abad ke-20M, beberapa undang-undang telah diperkenalkan dan diperbaharui oleh British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu termasuk Negeri Sembilan. Antaranya ialah *Muhammadan Laws 1904* dan *The Muhammadan (Offences) Order in Council No. 1/1938*. Di Negeri Sembilan, undang-undang bagi kesalahan jenayah yang pertama dikuatkuasakan ialah *Muhammadan Laws 1904*. Peruntukan kesalahan-kesalahan bagi orang Islam dalam *Muhammadan Laws 1904* ialah kesalahan meninggalkan solat jumaat tanpa alasan munasabah, melarikan anak gadis daripada penjagaan kedua ibu bapa, kesalahan berzina, perbuatan sumbang, memasak dan menjual makanan pada bulan puasa. Jenis-jenis kesalahan mengikut undang-undang Islam namun hukumannya berdasarkan kanun keseksaan British. Pada tahun 1938 menerusi *The Muhammadan (Offences) Order in Council No. 1/1938* diperkenalkan untuk mengemaskini kesalahan dan hukuman jenayah bagi masyarakat adat. Pembaharuan ini berlaku daripada segi peruntukan hukuman dan penentuan bidang kuasa Kadi. Sebagai contoh *The Muhammadan (Offences) Order in Council No. 1/1938*, menetapkan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan kepada lelaki yang melarikan anak gadis daripada penjagaan ibu bapa mereka. Manakala, tempoh hukuman bagi

kesalahan gadis yang melarikan diri daripada jagaan ibu bapa lebih singkat hukumannya iaitu dihukum penjara tidak lebih daripada sebulan. Jika anak-anak gadis mengulangi kesalahan yang sama, mereka akan dikenakan hukuman penjara tidak lebih tiga bulan (Taylor 1948). Undang-undang ini sentiasa dikaji dan diperbaharui sehingga diperkenalkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam pada tahun 1960 di Negeri Sembilan.

Pentadbiran British juga memperkenalkan peruntukan undang-undang berkait penerbitan buku agama untuk masyarakat adat di Negeri Sembilan. Mengikut undang-undang tersebut, mana-mana individu atau kumpulan yang ingin mencetak, menerbit atau mengedarkan buku-buku berkaitan agama perlu mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Mesyuarat Keadilan dan Undang Negeri Sembilan terlebih dahulu. Undang-undang tersebut bertujuan untuk mengelakkan penyebaran sebarang kepercayaan dan ajaran yang dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Di sebalik usaha British yang secara sinisnya dilihat untuk memelihara kedudukan agama Islam, tokoh agama dan pejuang pula disekat kebebasannya untuk mengemukakan pandangan dan pemikiran mereka menerusi penerbitan buku. Hal ini kerana, pihak British bimbang sebarang penyebaran doktrin dan pemikiran agama Islam boleh membangkitkan semangat penentangan terhadap pentadbiran British di Negeri Sembilan (Azlizan & Nurul Fatimah 2019).

Selain itu, undang-undang Islam berkaitan ekonomi melarang kepada kegiatan perjualan candu, arak, judi perniagaan-perniagaan yang bertentangan dengan hukum syarak. Namun demikian, pihak British menghalalkan perusahaan-perusahaan tersebut. Hal ini kerana, kesemua perusahaan tersebut dapat memberi keuntungan yang berlipat ganda dan meningkatkan pendapatan British (Azlizan & Nurul Fatimah 2019; *Supplement to the Negeri Sembilan Government Gazette* 1898).

British dengan licik telah mengguna dan memperalatkan kedudukan serta kuasa Yang Dipertuan sebagai pemerintah tertinggi dalam Negeri Sembilan bagi menjadi 'modal politik' untuk mencampuri urusan hal ehwal agama Islam seperti hak memungut zakat, pembahagian harta, perceraian dan masalah jenayah. Sehubungan dengan itu pada tahun 1898, Reid Pickering membuat permohonan rayuan daripada Mahkamah Residen kepada Mahkamah Tertinggi supaya dapat campur tangan dalam hal ehwal undang-undang Islam di Negeri Sembilan (*Straits Times Weekly Issue*, 1891, 15

September: 10). British telah mengubal undang-undang yang bersesuaian untuk menyeragamkan pentadbiran hal ehwal pungutan zakat supaya Pegawai Daerah dan Majistret dapat menjalankan pentadbiran British tanpa diganggu gugat oleh mana-mana pihak (Azlizan & Nurul Fatimah 2019). Jelas daripada itu memperlihatkan intervensi British dalam Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan dari aspek perundangan dan urusan pentadbiran.

Faktor intervensi British dalam Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan umumnya dilihat adalah berlandaskan kepentingan peribadi British. Azlizan & Nurul Fatimah (2019) menyimpulkan campur tangan British adalah untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka di Negeri Sembilan. Pentadbiran yang stabil dan sistematik menjamin kelangsungan dan keuntungan ekonomi British di Negeri Sembilan. Hal ini dapat dilihat daripada sumber 1957/0432483: *Adat Negri. Sends Copy of Minute by the Legal Adviser Re* yang menyatakan bahawa British berpandangan undang-undang Islam yang dipengaruhi dengan adat terbatas kepada kekeluargaan dan ibadat sahaja tetapi tidak mampu menyelesaikan masalah jenayah. Pada pandangan British, hukuman berat adalah cara yang berkesan untuk mengatasi masalah tersebut. Misalnya, hukuman mencuri mengikut *Panel Code* dalam *Common Law* yang diamalkan di England dapat dilihat di bawah seksyen 473 dalam bahagian 3. Di bawah seksyen 473(3) memperuntukkan, hukuman mencuri ialah penjara dalam tempoh bertahun-tahun. Peningkatan masalah jenayah ini bukan sahaja memberi kesan buruk kepada keselamatan nyawa dan harta benda orang awam malahan kepentingan ekonomi British akan turut terjejas (1957/0432483: *Adat Negri. Sends Copy of Minute by the Legal Adviser Re*).

Selain itu, faktor kedua intervensi British adalah dilihat daripada sebab ketidakseimbangan sistem pentadbiran dan politik dalam kalangan pemimpin tempatan Negeri Sembilan. Menurut pandangan British, struktur pentadbiran dan politik yang stabil harus mengikut acuan British. Winstedt. R.O. (1934) menyatakan, pembahagian bidang kuasa yang tidak seimbang dan tidak seragam membawa kepada penyalahgunaan kuasa, ketidakadilan, masalah pertikaian dan perebutan takhta dan jawatan-jawatan dalam adat. Hal ini menyebabkan sistem adat demikian tidak bersesuaian dengan pentadbiran British yang lebih sistematik. Mengikut birokrasi barat, sistem pentadbiran hendaklah terbahagi kepada empat unit politik utama iaitu negeri, daerah,

mukim dan kampung. Pengkhususan ini akan dapat mewujudkan bidang kuasa undang-undang yang sama rata bagi setiap daerah di Negeri Sembilan. Pembahagian kuasa undang-undang yang tidak seragam mendatangkan kesukaran kepada pihak British membuat keputusan-keputusan mengenai hal ehwal masyarakat adat terutamanya berkaitan dengan pertikaian perwarisan harta, masalah tanah dan jenayah serta pentadbiran zakat (Azlizan & Nurul Fatimah 2019).

Selain itu, intervensi British berlaku kerana pentadbiran undang-undang dan hal ehwal Islam yang tidak sistematik. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh 654A/1896: *The Protected States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang to be Styled "The Federated Malay States" in the future*, undang-undang Islam yang tidak seragam juga mendatangkan kebimbangan kuasa British kerana kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui Residen Jeneral terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi untuk menyeragamkan pentadbiran terutamanya daerah Inas, Ulu Muar, Terachi, Jempol dan Gunung Pasir yang berkedudukan jauh dari pusat pentadbiran British yang terletak di Seremban. Orang-orang Melayu di daerah-daerah ini terpisah jauh disebabkan oleh sempadan politik dan kepentingan suku-suku yang berlainan. Sebagai contoh, dalam urusan pungutan zakat, cara pelaksanaannya di setiap daerah adalah berbeza-beza mengikut budi bicara ketua-ketua adat.

Pada tahun 1900 an, terdapat pertikaian mengenai kuasa memungut zakat antara Kadi dengan Dato-Dato' Undang / Penghulu. Dalam hal ini, sistem yang diguna pakai oleh Kadi adalah berasaskan hukum syariah manakala Undang / Penghulu menggunakan cara tradisi iaitu hukum adat dalam memungut zakat dalam kalangan masyarakat adat. Secara tidak langsung akan meningkatkan lagi jurang ketidakseragaman di setiap daerah tersebut (Anwar 2022).

Akibatnya, ketidakseragaman sistem adat semakin kelihatan sepanjang abad ke-19, perlahan-lahan mengikis keutuhan undang-undang dan kemakmuran negeri. Oleh itu, British mengambil kesempatan untuk mengubal undang-undang yang bersesuaian bagi menyeragamkan pentadbiran hal ehwal pungutan zakat supaya Pegawai Daerah dan Majistret dapat menjalankan pentadbiran British tanpa diganggu gugat oleh mana-mana pihak (Azlizan & Nurul Fatimah 2019; Mohamad Nafis 2010). Terdapat juga pelaksanaan mas kahwin

dan pembayaran mahar di setiap daerah di Negeri Sembilan yang tidak tersusun hingga menyusahkan pihak pentadbir British. Hal ini kerana, sistem mas kahwin sedemikian menyukarkan Pegawai Daerah menyusun rekod-rekod berkaitan dengan perkahwinan bagi masyarakat adat (Taylor 1929).

FASA INTERVENSI KOLONIAL BRITISH (ABAD KE 19 DAN PERTENGAHAN ABAD KE 20)

British mendapati kelemahan yang terdapat dalam hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan disebabkan kelemahan sistem sedia ada. Oleh hal demikian, bagi mengatasi masalah tersebut, British telah berusaha memacu sistem pentadbiran hal ehwal Agama Islam mengikut acuan mereka. Namun begitu jika dilihat daripada sisi positif, terdapat beberapa tindakan British yang berjaya membangun dan menyusun pentadbiran hal ehwal Agama Islam Negeri Sembilan ke arah yang lebih sistematik (Anwar 2022). Hal ini jelas menunjukkan selepas campur tangan British, usaha-usaha untuk menyeragamkan pentadbiran hal ehwal agama Islam melalui penyatuan daerah-daerah yang dikenali sebagai Persekutuan Negeri dalam Negeri Sembilan.

Tujuan utama British menyusun pentadbirannya adalah untuk mewujudkan suatu sistem yang stabil, cekap dan berkesan dari semasa ke semasa dengan memperkenalkan undang-undang yang lebih lengkap (Azlizan et al. 2022; Mohd Azrani & Wan Fariza 2015). Sebagai contoh, pentadbiran undang-undang Islam di Johol, Ulu Muar, Seri Menanti dan Ulu Jempol diletak di bawah pentadbiran daerah yang berpusat di Kuala Pilah (Azlizan & Nurul Fatimah 2019). Ini selari dengan laporan Ketua pentadbiran daerah digelar sebagai Majistret dan Pemungut Hasil Tanah. Pentadbiran daerah ini diletak di bawah pentadbiran negeri yang berpusat di Seremban (*Annual Report of Negeri Sembilan* 1902). Pentadbiran British juga bercita-cita menyatukan daerah-daerah di Negeri Sembilan di bawah pentadbiran undang-undang yang seragam dan lebih tersusun dengan harapan dapat menguntungkan dan menjamin kepentingan pihak kolonial. Seiring dengan itu, British bertanggungjawab ke atas penyusunan semula pentadbiran undang-undang Islam yang seragam di seluruh Negeri Sembilan (Eunice Thio 1969).

Implikasi daripada intervensi British adalah dengan wujudnya sistem perundangan yang lebih teratur. Menurut Abdul Monir (2009), Negeri Sembilan mempunyai Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam dikanunkan pada tahun 1960.

Enakmen-enakmen tersebut bertujuan menyatukan dan meminda undang-undang pentadbiran agama Islam berkaitan dengan penubuhan, penyusunan dan pentadbiran agama Islam dan Mahkamah Syariah. Walaupun tidak lengkap akan tetapi lebih jelas dan mudah untuk dibuat rujukan berbanding sebelumnya. Sebelum wujudnya Enakmen pentadbiran tersebut, undang-undang mengenai agama Islam telah dibuat oleh *State Council* dalam bentuk *Order in Council*. Kesan daripada intervensi British ini juga membawa kepada pengasingan Mahkamah Syariah, Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam dan seterusnya dapat menyusun sistem kehakiman Mahkamah Syariah dan mengambil langkah meluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan taraf kedudukan hakim-hakimnya (Anwar 2024).

Implikasi daripada intervensi British adalah pembangunan sistem yang mampan dalam hal ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan dari penghujung abad ke 19, abad ke 20 hingga kini. Proses pembangunan dan penyusunan sistem hal ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan telah bermula sejak awal campur tangan British lagi. Tindak balas daripada intervensi British ini, para pemimpin bersama barisan agamawan dan ilmuwan berusaha dengan seluruh keupayaan dan kapasiti yang ada untuk membangun urusan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Negeri Sembilan yang lebih sistematik. Menurut Nurul Atiqah & Izziah Suryani (2016). Pada tahun 1948, apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk, Negeri Sembilan telah menggubal satu perlembagaan berdasarkan perjanjian 1889 mengenai kuasa Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Dato Undang Luak Yang Empat serta Tunku Besar Tampin.

Mengikut perlembagaan baru ini, sebuah Dewan Undangan yang dipanggil Majlis Mesyuarat Kerajaan telah dibentuk. Selepas merdeka, majlis ini dikenali sebagai Dewan Keadilan. Ia berperanan sebagai tempat rujukan atau tunggak tertinggi kedaulatan takhta Kerajaan Negeri Sembilan yang bertanggungjawab untuk menentukan pentadbiran adat dan agama. Di sini merupakan satu platform untuk menyelesaikan sebarang krisis yang berbangkit mengenai pentadbiran adat dan agama Islam sebagaimana Islam telah diakui sebagai agama rasmi bagi Negeri Sembilan (Abdul Samad 1968). Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan bahawa perlu ditubuhkan sebuah Majlis Mesyuarat Agama Islam. Majlis ini bertujuan untuk membantu dan memberi nasihat di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan agama

di Negeri Sembilan (Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan 1954).

Pada bulan Disember 1949, Undang-Undang Majlis Mesyuarat Agama telah disahkan. Yang Dipertua Majlis Agama Islam ialah Tuan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Kemudian, Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS) ditubuhkan pada tahun 1950 di Seremban. Namun, peraturan Majlis Agama Islam 1950 ini telah dimansuhkan selepas merdeka dan digantikan dengan Undang-Undang Majlis Agama Islam 1957. Pada 1960, Undang-Undang Majlis Agama Islam 1957 telah dimansuhkan dengan digubalnya Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak 1960 (Ruhayati 1994). Penubuhan sebuah jabatan khusus untuk mentadbir hal ehwal Agama Islam pada pertengahan abad ke-20 merupakan terjemahan pengaruh pentadbiran British terhadap pentadbiran masyarakat Islam khususnya di Negeri Sembilan. Dalam usaha-usaha tersebut terdapat beberapa orang ulama yang mengembeleng tenaga untuk mewujudkan sebuah jabatan yang dapat menguruskan hal ehwal Islam dalam kalangan masyarakat Islam. Antara tokoh tersebut ialah seorang daripada kadi daerah Port Dickson, Haji Abdullah bin Haji Sijang yang turut menyumbang dalam penubuhan Jabatan Agama (Nurul Atiqah & Izziah Suryani 2016).

Dapat disimpulkan, implikasi daripada intervensi British daripada abad ke-19M hingga abad ke-20M telah membawa kepada wujudnya satu sistem pentadbiran hal ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan dibawah satu badan pentadbiran iaitu pada tahun 1960, sebuah badan utama telah ditubuhkan dan dinamakan sebagai Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) untuk memudahkan pengurusan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Majlis ini diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan tetapi wujud sebagai badan berkanun yang ditugaskan khas untuk membuat peraturan, menentukan dasar serta memberi arahan kepada Jabatan Agama Islam dalam urusan berkaitan hal ehwal agama. Oleh itu, sejak dari tahun 1961 sehingga kini, Jabatan Agama Islam telah dipecahkan kepada dua badan mengikut tugas masing-masing iaitu Majlis Agama Islam berfungsi membuat semua undang-undang dan peraturan manakala Jabatan Agama Islam menguruskan perjalanan dan perlaksanaan dasar tersebut (Anwar 2024).

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang ditubuhkan pada tahun 1960 merupakan sebuah badan yang ditugaskan untuk membantu dan

menasihati Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan di dalam hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam (Anwar 2022). Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan merupakan penaung MAINS dan dibantu oleh Undang Luak Yang Empat yang menjadi tempat rujukan umat Islam di Negeri Sembilan iaitu Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau serta Tunku Besar Tampin. Menteri Besar Negeri Sembilan pula merupakan pengerusi kepada Ahli MAINS dan ahli-ahlinya dilantik daripada kalangan pentadbir Kerajaan Negeri termasuk Mufti. MAINS juga bertindak sebagai badan tertinggi Islam bertanggungjawab memelihara kesucian Islam dan menentukan dasar bagi Negeri Sembilan yang menjana pembangunan ummah dalam pelbagai bidang berlandaskan Syariah Islam (Anwar 2022).

Pada tahun yang sama juga disusuli dengan penubuhan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS) atau kini dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) pada tahun 1950. JHEAINS merupakan satu daripada jabatan Kerajaan Negeri Sembilan yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran hal ehwal agama Islam bagi seluruh negeri. Jabatan ini adalah sebuah badan kerajaan yang rasmi di peringkat negeri dan amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam. Bagi melicinkan pentadbiran agama Islam, Yang Dipertuan Besar dengan persetujuan Undang Empat ini telah melantik seorang mufti bagi seluruh Negeri Sembilan. Segala dasar pentadbiran agama Islam mestilah berpandukan hukum syarak. Oleh itu, segala panduan berkaitan hal-hal agama hendaklah dirujuk kepada mufti supaya selaras dengan ajaran agama Islam. Di setiap daerah, para kadi telah dilantik untuk pentadbiran dan hal ehwal agama Islam. Di setiap masjid pula, dilantik seorang imam. Kadi dan imam adalah dilantik oleh Dato Undang yang berkuasa di daerah tersebut. Para imam yang dilantik sangat dihormati dan mendapat pengiktirafan daripada orang-orang kampung (Maimunah 1982; Nurul Atiqah & Izziah Suryani 2016).

Selain itu, bagi membincangkan hal ehwal Agama Islam daripada aspek pengurusan tanah Mohamad & Izzah Suryani (2016:) menyatakan, di bawah pengaruh British, tanah-tanah wakaf telah disenaraikan dalam tanah warta kerajaan Negeri RC (*Reserve Certificate*), tanah-tanah wakaf tersebut didaftar dan diletakkan nombor RC, lot, syarat tanah seperti tapak masjid, tanah perkuburan orang Islam, tapak sekolah lain-lain disamping

dinyatakan pemegang hak milik seperti qadi besar, imam agama dan masjid dan penghulu. Pendaftaran hak milik tanah untuk tujuan ini terus dilaksanakan sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan diwujudkan (Anwar 2022). Rentetan daripada campur tangan British di Negeri Sembilan, kini pentadbiran dan pengurusan harta wakaf terletak di bawah Jawatankuasa Pembangunan Tanah Wakaf MAINS (Mohamad Khairul & Izzah Suryani 2016).

DIMENSI PERBANDINGAN DENGAN NEGERI-NEGERI MELAYU LAIN

Bagi memperkayakan analisis tentang intervensi British terhadap tadbir urus Islam di Negeri Sembilan, adalah penting untuk membuat perbandingan dengan negeri-negeri Melayu lain seperti Perak, Selangor dan Kelantan. Hal ini dapat menjelaskan kedudukan unik Negeri Sembilan dalam konteks serantau.

Perak

Perak merupakan negeri pertama yang menandatangani Perjanjian Pangkor 1874, menjadikan negeri ini sebagai medan awal eksperimen campur tangan British. Walaupun perjanjian tersebut memperuntukkan bahawa British tidak akan mencampuri urusan agama dan adat Melayu, realitinya Residen British mula terlibat dalam pelantikan kadi serta penyusunan semula pentadbiran Islam (Braddell 1931; Mohd Isa Othman 2002). Selain itu, undang-undang Islam yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian orang Islam diperkenalkan di Perak seawal tahun 1885 melalui *Perak Registration of Mohammedan Marriage and Divorce Enactment* (Hooker 1984). Perkara ini menunjukkan Perak menjadi model awal sistem pentadbiran Islam yang kemudian diadaptasi di negeri-negeri lain termasuk Negeri Sembilan.

Selangor

Di Selangor, campur tangan British lebih ketara apabila bidang kuasa Mahkamah Syariah dkecilkan hanya kepada perkara kekeluargaan dan ibadat, manakala kes jenayah orang Islam dibawa ke mahkamah sivil British (Ahmad Ibrahim 1965; Zaini 2004). Dari segi institusi, Selangor lebih awal menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Selangor (MAIS) pada tahun 1952, iaitu lebih awal daripada Negeri Sembilan yang menubuhkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pada

tahun 1960 (Ruhayati 1994). Hal ini membuktikan wujudnya variasi dalam kadar penyeragaman pentadbiran agama Islam antara negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Kelantan

Kelantan sebagai sebuah Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) mempunyai pengalaman berbeza. Walaupun campur tangan British hanya bermula selepas Perjanjian Bangkok 1909, negeri ini menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) seawal tahun 1915 (Gullick 1958; Hooker 1984). Tidak seperti Negeri Sembilan yang terikat dengan pengaruh adat Perpatih, Kelantan mengekalkan dominasi ulama tempatan dan tradisi fiqh Syafi'i. Justeru, intervensi British di Kelantan lebih sederhana, dengan ruang yang lebih besar diberikan kepada tokoh agama tempatan (Ahmad Ibrahim 1992).

Daripada perbandingan ini, dapat dirumuskan bahawa campur tangan British di Negeri Sembilan lebih kompleks kerana wujud pengaruh adat Perpatih yang bercampur dengan undang-undang Islam, menjadikan proses sistematisasi pentadbiran Islam lebih unik. Ini kerana Perak dan Selangor berperanan sebagai perintis campur tangan British dalam pentadbiran Islam, khususnya melalui pengenalan enakmen perkahwinan, perceraian dan pembatasan kuasa mahkamah syariah. Manakala bagi negeri Kelantan walaupun agak lewat disentuh secara langsung, negeri ini lebih awal menubuhkan institusi agama Islam rasmi (MAIK 1915) dengan pengaruh ulama yang lebih kuat, menjadikan intervensi British kurang dominan.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa intervensi British terhadap tadbir urus Islam di Negeri Sembilan bukan sekadar episod sejarah kolonial, tetapi merupakan proses pembentukan semula struktur pentadbiran Islam yang berimplikasi panjang terhadap sistem keagamaan dan perundangan negeri. Sebelum kedatangan British, Negeri Sembilan telah memiliki sistem tadbir urus Islam yang berpaksikan hukum syarak dan adat Perpatih yang saling melengkapi. Namun, kehadiran British pada abad ke-19 dan ke-20 telah membawa perubahan mendalam melalui pengenalan undang-undang seperti *Muhammadan Laws 1904* serta penginstitutionan pentadbiran berasaskan *Common Law*. Campur tangan ini

mengubah corak pelantikan kadi, pengurusan zakat, pentadbiran perkahwinan dan sistem kehakiman syariah sehingga mengurangkan autonomi tempatan terhadap hal ehwal Islam. Walau bagaimanapun daripada perspektif sejarah tadbir urus, intervensi ini juga membuka ruang kepada penyusunan semula sistem pentadbiran Islam yang lebih teratur dan tersusun dari segi birokrasi serta dokumentasi undang-undang.

Novelti kajian ini terletak pada pendekatan kerangka tadbir urus Islam yang menilai kesan kolonial bukan sekadar melalui lensa dominasi politik tetapi juga sebagai medan pertembungan epistemologi antara syariah dan undang-undang Barat. Analisis ini menunjukkan bahawa walaupun British menstrukturkan pentadbiran Islam atas kepentingan kolonial, sistem tersebut kemudiannya menjadi asas kepada pembentukan institusi moden seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Sintesis teori ini dapat difahami bagaimana warisan kolonial diadaptasi semula dalam konteks keislaman tempatan bagi membina model tadbir urus Islam kontemporari yang lebih stabil, berakauntabiliti dan berpaksikan maqasid syariah.

Kajian ini turut membuka ruang kepada agenda *decolonisation of Islamic governance* di Malaysia dengan menilai semula sejauh mana struktur yang diwarisi daripada kolonial masih membatasi aspirasi keadilan dan kedaulatan hukum Islam. Harapan kajian ini agar model tadbir urus Islam Negeri Sembilan dapat dijadikan rujukan untuk memperkukuh kerangka Malaysia MADANI yang menuntut keseimbangan antara nilai Islam, integriti pentadbiran dan inklusiviti sosial. Penyelidikan lanjut wajar memberi tumpuan kepada pembangunan dasar yang menggabungkan nilai syura, amanah dan keadilan dengan kecekapan institusi moden, agar tadbir urus Islam di Malaysia tidak hanya berlegar dalam struktur kolonial yang diwarisi, tetapi berkembang sebagai sistem berdaulat yang membumikan keadilan Islam dalam konteks negara bangsa yang merdeka.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Program Pembangunan Dasar MASA kod projek RH-2025-002 berjudul *Pembinaan Kerangka Tadbir Urus Islam al-Mawardi dalam Memperkasakan Institusi Pembangunan Bumiputera*. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, Anwar Muttaqin; metodologi, Abdull Rahman; kesahan, Ibnor Azli Ibrahim; analisis formal, Anwar Muttaqin; penelitian, sumber, Anwar Muttaqin dan Nur Asyiqin Zohkarnain; organisasi data, Anwar Muttaqin dan Nur Asyiqin Zohkarnain; penulisan - persediaan draf asal, Anwar Muttaqin; penulisan - suntingan, Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal; pemerolehan dana, Anwar Muttaqin. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob. 2009. Pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia: Satu penilaian. *Jurnal Fiqh* 6: 1–20.
- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu.
- Ahmad Ibrahim. 1965. *Islamic Law in Malaya*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- Ahmad Ibrahim. 1992. *Towards a History of Law in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Annual Report of Sungei Ujong for the Year 1895. *Straits Times Weekly Issue*, 1891, 15 September, h. 10.
- Anwar Muttaqin 2024. Sejarah penubuhan dan punca kuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Dlm. *Adicita Inteligensia Sejarah dan Tamadun Islam*, disunting oleh Roziah Sidik, Anwar Muttaqin & Ammalina Dalillah Mohd Isa, 121-138. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Anwar Muttaqin. 2022. Tadbir urus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dalam mendepani sosioekonomi ummah di Negeri Sembilan. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azlizan Mat Enh & Nurul Fatihah Yusoff. 2019. Pengenalan undang-undang Inggeris di Negeri Sembilan 1895-1950. *Sejarah: Journal of History Department* 28(1): 14-33.
- Azlizan Mat Enh, Ku Boon Dar & Al Amril Othman. 2022. Penghijrahan awal masyarakat Muslim Bosnia-Herzegovina. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*. 44(1): 171-182.
- Bhabha, Homi. 1994. *The Location of Culture*. London: Routledge.
- Birch, E.W. 1906. The election and installation of Tungku Muhammad C.M.G. Bin Tungku Antah, as the Yang di Pertuan Besar, Negeri Sembilan. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 46(Dis): 6-22.
- Braddel, R. 1931. *The Legal Status of The Malay States*. Singapore: Malayan Publishing House Ltd.
- Eunice Thio. 1969. *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Gullick, J.M. 1958. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London: The Athlone Press.
- Hasnan Kasan. 2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hooker, M.B. 1984. *Islamic Law in South-East Asia*. Singapore: Oxford University Press.
- Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Shuhadak Mahmud, Ermy Azziaty Rozali & Farid Mat Zain. 2016. Pendahuluan: Islam di Negeri Sembilan. Dlm. *Islam di Negeri Sembilan*, disunting oleh Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Shuhadak Mahmud, Ermy Azziaty Rozali & Farid Mat Zain, 1-6. Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Mahmmud Zuhdi Abd. Majid. 1995. *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Maxwell, W.G. & Gibson, W.S. 1924. *Treaties and Engagement Affecting The Malay State and Borneo*. London: Truscott & Sons Ltd.
- Mohamad Khairul Izwan Rifin & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2016. Sejarah wakaf di Negeri Sembilan. Dlm. Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Shuhadak Mahmud, Ermy Azziaty Rozali & Farid Mat Zain (pnyt.). *Islam di Negeri Sembilan*, hlm. 89-96. Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Mohamad Nafis Berhan. 2010. *Pengurusan Zakat: Kutipan dan agihan di Negeri Sembilan*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Saleeh Rahamad. 2014. *Oksidentalisme dalam Sastera Melayu: Sebelum Merdeka hingga Era Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia Berhad.
- Mohd Azrani Asran & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2015. Reformasi pendidikan al-Hadi dan al-Faruqi. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 37(1): 39-48.
- Mohd Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1693)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Nor Hazwani Munirah Lateh, Ateerah Abdul Razak dan Yohan Kurniawan. 2024. Malaysia Madani berdasarkan nilai Islam: Pemahaman dan penerimaan masyarakat Malaysia. *The International Journal of Islamic Studies* 46(2): 157-166.
- Norhalim Ibrahim. 1995. *Negeri yang Sembilan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nursyafiqah Ruzali, Anwar Muttaqin, Ermy Azziaty Rozali, Ezad Azraai Jamsari, Md Yazid Ahmad, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd Hafiz Safiai, Ghazali Zainuddin & Badlihiham Mohd Nasir 2025. The Abbasid rule in Baghdad and the Islamic governance concept according to al-Mawardi: A literature review. *International Journal of Advanced Research* 13(6): 1119-1126.
- Nurul Atiqah Jamalludin & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2016. Peranan Haji Abdullah bin Haji Sijang dalam penubuhan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Dlm. *Islam di Negeri Sembilan*, disunting oleh Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Shuhadak Mahmud, Ermy Azziaty Rozali & Farid Mat Zain, 76-88. Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Othman Ishak. 1981. *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Rabi'ah Muhammad Serji, Mazliza Mohamad Safinaz Mohd Hussein dan Mahmud Zuhdi Mohd Nor. 2021. Harta sepencarian: Isu dan konflik perundangan dalam tuntutan selepas kematian dari perspektif undang-undang tanah di Malaysia. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 43(SI): 43-53.
- Rasyikah Md. Khalid Muhammad Amirul Ashraf A. Ghani Muhamad Zawawi Jalaludin Suhaimi Ab Rahman Nurul Aini Yaacob. 2021. Waqaf air dan isu perundangan di Malaysia. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 43(SI): 165-172.
- Ruhayati Ramli. 1994. *Jawatankuasa Syariah di Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Akedemi Islam Malaya.
- Ruhayati Ramli. 1994. *Jawatankuasa Syariah di Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Akademi Islam Malaya.
- Edward, Said. 1978. *Orientalism*. New York: Pantheon Books.
- Salleh Buang. 1993. *Malaysia Legal History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Straits Times Weekly Issue*, 1892, 6 April, hlm. 198.
- Supplement to the Negeri Sembilan Government Gazette*, 1898, hlm. 6. Kertas Pengisahan Adat Perpatih: Gemuk Berpupuk Segar Bersiram, Norhalim Haji Ibrahim, "Sejarah Kewujudan Adat Perpatih", Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, 2004, 22 Julai.
- Taylor, E.N. 1929. The customary law of Rembau. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 7(1): 1-5.
- Taylor, E.N. 1948. Inheritance in Negri Sembilan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 2(2): 41-310.
- Winstedt. R.O. 1934. Negeri Sembilan the history, polity and beliefs of the nine states. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 12(3): 41-114.
- Zaini Nasohah. 2004. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.